

08/05/1998

Dr M nafi restu Harris

KOTA KINABALU, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menafikan beliau pernah ditemui bekas Ketua Menteri Sabah, Datuk Harris Salleh, atau merestui Parti Barisan Rakyat Sabah Bersekutu (Bersekutu).

Sehubungan itu, Perdana Menteri menegaskan, BN tidak akan menerima kemasukan Bersekutu sama ada sebelum atau selepas pilihan raya negeri nanti.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN dan Presiden Umno berkata, Majlis Tertinggi Umno sudah mengambil keputusan menyingkir Harris daripada parti itu minggu lalu.

Harris dilantik sebagai pemangku Presiden Bersekutu pada 29 Mac lalu walaupun masih menjadi ahli Umno cawangan Ramsay, bahagian Labuan sejak 29 Mac 1991.

"Walaupun mengatakan dia menghantar surat keluar parti, tiada dokumen di ibu pejabat yang menunjukkan peletakan jawatannya sebagai ahli Umno Labuan," katanya.

(END)